

Sidang Dewan Rakyat

Lebih RM62j kos jenamakan kerajaan Keluarga Malaysia

Jumlah melebihi
98 peratus
keseluruhan
dibelanjakan
di bawah tiga PM

Ahmad Suhael Adrian
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lebih RM62 juta dibelanjakan pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk menjenamakan kerajaan sebagai Keluarga Malaysia.

Ahli Parlimen Bera itu menjadi Perdana Menteri Kesembilan selama 14 bulan, mulai Ogos 2021 hingga November 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, memaklumkan jumlah itu mewakili lebih 98 peratus daripada keseluruhan RM62,764,107.25 dibelanjakan untuk penjenamaan kerajaan di bawah tiga Perdana Menteri sejak Mac 2020 hingga 30 Januari lalu.

Dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, beliau menjelaskan, sejumlah RM181,752.20 digunakan untuk penjenamaan Kerajaan Prihatin di bawah pentadbiran Tan Sri Muhyiddin

Yassin, manakala penjenamaan Malaysia Madani di bawah pentadbiran Datuk Seri Anwar Ibrahim pula sebanyak RM489,216.

“Berdasarkan rekod kewangan Jabatan Perdana Menteri, penganjuran program berkaitan penjenamaan semula kerajaan iaitu Kerajaan Prihatin, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani, membabitkan peruntukan yang dibelanjakan sehingga 30 Januari 2023 sebanyak RM62,764,107.25.

“Pecahan mengikut program ialah Kerajaan Prihatin dengan perbelanjaan RM181,752.20; Keluarga Malaysia, RM62,093,139.05 dan Malaysia Madani, RM489,216.

“Jumlah perbelanjaan berdasarkan program jelajah jerayawara yang dilaksanakan semasa pentadbiran Perdana Menteri ke-lapan hingga kini,” katanya.

Beliau menjawab soalan Ami-

nolhuda Hasan (PH-Sri Gading) mengenai peruntukan dibelanjakan bagi penjenamaan kerajaan ketika pentadbiran Muhyiddin, Ismail Sabri dan Anwar, masing-masing di bawah konsep Kerajaan Prihatin, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani.

Muhyiddin dilantik sebagai Perdana Menteri Kelapan pada 1 Mac 2020, manakala Anwar mengangkat sumpah Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November 2022 dan melancarkan Malaysia Madani pada 19 Januari lalu.

Menurut Armizan, hanya satu program Kerajaan Prihatin dilaksanakan ketika pentadbiran Muhyiddin berikutan negara ketika itu dilanda pandemik COVID-19 yang menyaksikan beberapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

"Pecahan mengikut program ialah Kerajaan Prihatin dengan perbelanjaan RM181,752.20; Keluarga Malaysia, RM62,093,139.05 dan Malaysia Madani, RM489, 216

Armizan Mohd Ali,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

